

Harga jatuh 15 peratus, IDSS MSM Holdings digantung

Oleh Wartawan MalaysiaGazette - 22 May 2025



KUALA LUMPUR – Dagangan jualan pendek intrahari (IDSS) bagi saham MSM Malaysia Holdings Bhd. (MSM Malaysia) digantung sepanjang hari selepas harga terakhir yang diluluskan sekuriti jatuh lebih daripada 15 peratus atau 15 sen daripada harga rujukan.

Setakat jam 3.46 petang tadi, harga saham MSM Malaysia susut 20 sen atau 14.39 peratus kepada RM1.19 sesaham, dengan jumlah dagangan sebanyak 8.69 juta saham.

Harga saham pengeluar gula itu berlegar sekitar RM1.17 dan RM1.39 sepanjang sesi dagangan setakat ini.

Dalam satu pengumuman khas hari ini, Bursa Malaysia memaklumkan bahawa jualan pendek di bawah IDSS hanya akan diaktifkan semula pada jam 8.30 pagi esok (23 Mei).
MalaysiaGazette

HEADLINE	Harga jatuh 15 peratus, IDSS MSM Holdings digantung
MEDIA	Malaysia Gazette
DATE	22 May 2025
BY	-
LINK	https://malaysiagazette.com/2025/05/22/harga-jatuh-15-peratus-idss-msm-holdings-digantung/#google_vignette